

# Malaysia antara tertinggi pesakit buah pinggang

B/HAZIAN

12/3/2019

MS 11

Setiap tahun Hari Buah Pinggang Sedunia disambut untuk memberi kesedaran betapa penting mengetahui tahap kesihatan buah pinggang selaku organ utama dalam tubuh manusia.

Buah pinggang memainkan untuk peranan mengekalkan kesihatan badan, selain menjadi organ utama yang berfungsi membuang atau menyalurkan bahan-bahan tidak diperlukan dalam badan melalui air kencing.

Ia juga menstabilkan garam mineral badan utama, membantu dalam penghasilan darah merah dengan ada hormon erythropoietin, selain berperanan mengawal kandungan air dalam badan serta tekanan darah.

Ironinya ketika ini dianggarkan hampir 850 juta pesakit buah pinggang kronik (CKD) di seluruh dunia, dengan 2.3 juta hingga 7.1 juta pesakit meninggal dunia akibat gagal mendapatkan rawatan dialisis atau pemindahan buah pinggang.

tidak dikawal peringkat awal, fungsi buah pinggang akan merosot dan akhirnya sampai ke peringkat pesakit keagagalan buah pinggang tahap akhir (ESRD). Ketika ini pesakit perlu menjalani rawatan penggantian buah pinggang.

Ada tiga kaedah utama rawatan penggantian fungsi buah pinggang iaitu secara pemindahan, dialisis peritoneal atau haemodialisis.

## Peningkatan kes baharu membimbangkan

Untuk rekod pada 2007, 17,097 pesakit menjalani rawatan dialisis dan 1,795 lagi menjalani rawatan pemindahan buah pinggang. Pada 2016, ada peningkatan ketara, iaitu 39,711 pesakit buah pinggang menjalani rawatan dialisis dan hanya 1,814 menjalani pemindahan buah pinggang.

Namun, peningkatan kes baharu di Malaysia agak membimbangkan apabila jumlah golongan berkenaan untuk dialisis mening-

kat sebanyak 87 peratus dalam tempoh 10 tahun, iaitu 4,104 pesakit pada 2007 berbanding 7,663 pada 2016.

Bagi kes pemindahan buah pinggang pula, ESRD adalah sekitar 80 hingga 140 kes setiap tahun. Pada peringkat global, jumlah pesakit baharu buah pinggang tahap akhir antara tertinggi direkodkan di Malaysia, mengatasi negara maju lain.

Paling membimbangkan apabila bilangan pesakit baharu berusia antara 20 hingga 44 tahun, iaitu golongan produktif dan menjadi tunjang utama kestabilan negara, juga menunjukkan peningkatan kes buah pinggang tahap akhir.

Untuk Malaysia, kadar bilangan orang muda menghidap ESRD adalah 111 (bagi setiap sejuta populasi/tahun), berbanding Taiwan (98), Singapura (87) dan Jepun (53). Malaysia yang kedua tertinggi selepas Amerika Syarikat (134).

Peningkatan kes kencing manis,

darah tinggi, masalah jantung koronari arteri dan obesiti antara faktor utama peningkatan CKD.

## Lambakan suplemen

Kumpulan yang berisiko tinggi adalah mereka yang menghidap penyakit gout, batu karang, masalah kelenjar prostat serta mereka yang kerap mengambil ubat tahan sakit, pengambilan ubat gastrik tanpa kawalan, warga emas dan mereka yang mempunyai sejarah keluarga pesakit buah pinggang.

Lambakan pemakanan tambahan (suplemen) dan ubat herba, terutama berasaskan asid aristolochic turut menjadi punca pesakit ini.

Asid aristolochic digunakan secara meluas dalam perubatan tradisional sebagai pelawas kencing dan ubat tahan sakit. Justeru, pemakanan ubatan yang kini mudah didapati secara dalam talian wajar diberi perhatian kerana dikhuatiri membawa kesan kepada buah pinggang.